

# TENTU KERUSI: PM RUNDING BERASINGAN DENGAN KOMPONEN BN

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan mengadakan rundingan berasingan dengan semua parti komponen Barisan Nasional bagi menentukan soal pembahagian kerusi dalam pilihanraya umum ini.

"Bagaimanapun, kata putus mengenai soal pembahagian kerusi ini akan dibuat oleh saya sendiri," katanya kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di kediamannya di sini, hari ini.

Beliau yakin tidak akan wujud banyak masalah dalam perkara itu dan "tidak ada masalah yang tidak dapat diatasi."

Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika menjawab pertanyaan tentang pergeseran antara MCA dan Gerakan, dua parti komponen BN, dalam soal pembahagian kerusi.

Beliau menambah, penentuan calon-calon yang bakal bertanding dibuat atas dasar persetujuan sebulat suara antara semua parti komponen BN.

"Perkara ini telah saya tekankan kepada para pemimpin komponen BN dalam perjumpaan hari ini dan mereka memahami mesej saya," tegasnya.

Perdana Menteri juga menegaskan, semua parti komponen BN akan menggunakan simbol yang sama — lambang dacing.

Ditanya mengenai kemungkinan Berjaya dan USNO, dua parti komponen BN di Sabah menggunakan simbol berasingan, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata:

"Sepanjang pengetahuan BN, kedua parti itu tetap akan menggunakan simbol BN sekalipun mereka tidak bertegur sapa antara satu sama lain," ujar beliau.

Perdana Menteri berkata, beliau juga telah menemui semua Menteri

Besar dan Ketua Menteri Jumaat lalu mendapatkan penilaian "menilai kekuatan negeri sebelum tarikh pembubaran Parlimen dapat ditetapkan."

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad juga membayangkan hasratnya memilih golongan muda sebagai calon BN dalam pilihanraya umum kali ini.

Perdana Menteri merangkap Pengerusi BN berkata: "Banyak faktor akan diambilkira dalam pemilihan seseorang calon BN bagi pilihanraya umum.

"Salah satu darinya ialah seseorang itu hendaklah tampan. Ini adalah bagi menarik perhatian pengundi wanita," katanya secara berseloroh kepada pemberita selepas mempengerusikan Dewan Tertinggi BN di kediamannya di sini.

Kecergasan, katanya

dalam nada serius, adalah satu lagi faktor utama dalam pemilihan tersebut.

"Kita tidak mahu melihat seseorang calon jatuh pangsang semasa pilihanraya berlangsung," katanya sambil tersenyum.

Ini disifatkan oleh pemerhati politik sebagai melambangkan hasrat Perdana Menteri memberi peluang kepada lebih ramai golongan muda bertanding sebagai calon BN dalam pilihanraya kali ini.

Mengenai lawatan beliau ke Bangladesh, Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan ia telah ditangguhkan ke satu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Beliau berkata lawatan itu terpaksa dibatalkan buat sementara waktu memandangkan pilihanraya umum akan diadakan tidak lama lagi.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia